

Klinik 1Malaysia: Hadiah tahun baru warga PJ

Sinar 8/01/2010 MS SS

MUKADIMAH

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menterjemahkan gagasan 1Malaysia dengan melancarkan Klinik 1Malaysia yang ke-44 di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang, di sini semalam. Klinik 1Malaysia itu adalah hadiah tahun baru paling bermakna buat penduduk PPR berkenaan yang rata-ratanya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah, ibu tunggal dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

PETALING JAYA UTARA - Penduduk PPR Lembah Subang di sini, tidak perlu lagi bersusah payah mendapatkan rawatan di klinik atau hospital di luar kawasan Lembah Subang berikutan penubuhan Klinik 1Malaysia di kawasan tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika berucap sempena merasmikan klinik itu semalam berkata, Klinik 1Malaysia amat menepati konsep 1Malaysia kerana ia benar-benar terbuka kepada semua kaum di negara ini terutama golongan berpendapatan rendah.

Beliau berkata, konsep Klinik 1Malaysia yang diperkenal dan dilaksanakan kerajaan bertujuan memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti di negara ini boleh dinikmati secara adil, saksama dan menyeluruh oleh semua rakyat, sejajar hasrat kerajaan.

"Dan akses untuk perkhidmatan kesihatan sedemikian mestilah pada kos yang paling minimum iaitu

RM1, iaitu yang termurah di dunia atau boleh disifatkan sebagai hampir percuma.

"Selain itu, pesakit tidak perlu tunggu lama kerana Klinik 1Malaysia akan memberikan layanan pantas. Dalam keadaan ini, Kementerian Kesihatan mendapat untung kerana boleh mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan bagi mereka yang ingin mendapatkan rawatan asas," katanya.

Najib berkata, Klinik 1Malaysia akan beroperasi setiap hari, tujuh hari seminggu dan masa perkhidmatan adalah dari pukul 10 pagi hingga 10 malam dengan dikendalikan oleh kumpulan paramedik yang terdiri daripada Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih.

Dalam pada itu, Najib yang juga Menteri Kewangan, mengangap pencapaian Kementerian Kesihatan mewujudkan 44 klinik dalam masa dua bulan sebagai satu rekod dalam Bajet 2010 kerana sasaran untuk membuka 50 buah

klinik 1Malaysia hampir dicapai dalam masa begitu singkat.

Mengenai cadangan untuk menambah bilangan Klinik 1Malaysia, beliau berkata, pihaknya akan membuat penilaian berdasarkan sambutan dan kesan yang diperoleh melalui pendekatan perkhidmatan kesihatan menerusi klinik berkenaan.

"Kita akan buat penilaian, jika mendapat sambutan hangat dan kesan yang begitu baik, saya tidak menolak kemungkinan boleh ditambah lagi.

"Tapi biarlah kita buat penilaian dulu sebab 50 klinik ini pun bilangannya begitu besar. Kita juga perlu tentukan keberkesanan klinik dan pendekatan baru, daripada situ kita akan buat ketetapan," katanya.

Najib berkata, kebanyakan Klinik 1Malaysia terletak di kawasan bandar memandang di luar bandar terdapat 2,000 Klinik Desa sejak merdeka.

"Untuk 50 klinik, kita peruntukkan RM10 juta, tapi

RM10 juta ini bukan untuk bangunan, ini adalah untuk kita buat peralatan dalam sahaja dan untuk ubat-ubatan," katanya.

Bukti keprihatinan kerajaan

Sementara itu, rata-rata penduduk PPR Lembah Subang yang ditemui Sinar Harian melahirkan perasaan gembira atas keprihatinan Perdana Menteri melancarkan klinik 1Malaysia di kawasan tersebut.

Ketua Blok D, PPR Lembah Subang, Sulaiman Darus, 46, melahirkan rasa gembira dan menyifatkan ia sebagai hadiah paling bermakna buat semua penduduk PPR berkenaan.

Katanya, akses untuk perkhidmatan kesihatan iaitu RM1 juga secara langsung meringankan beban penduduk yang kurang berkemampuan.

"Pelancaran Klinik 1Malaysia ini menunjukkan



● MOHD KAMARUZAMAN



“Sebagai penduduk PPR, sudah semestinya saya gembira dengan keputusan mewujudkan klinik 1Malaysia di kawasan ini.”

- Sulaiman Darus

dinanti-nantikan dan mencerikan golongan ibu tunggal, warga emas dan OKU.

Katanya, sebelum ini, ramai penduduk PPR tersebut terpaksa menempuh perjalanan jauh selain terpaksa berbaris lama sebelum boleh mendapatkan rawatan di klinik atau hospital luar dari Lembah Subang.

"Klinik ini memberi banyak kelebihan kepada penduduk kerana ia dekat, menjimatkan kos dan masa penduduk.

"Terima kasih kepada Perdana Menteri kerana prihatin terhadap nasib penduduk PPR Lembah Subang," katanya.

